(30)

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
No. 47 Persiaran Perdana,
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8888 2357
Laman Web : www.rurallink.gov.my

Rujukan Kami : KKLW. PER.100- 4/5 Klt.2(30)
Tarikh : 6 April 2015

Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
Tingkat 20 & 20M, West Block
Wisma Selangor Dredging
142-C, Jalan Ampang
50548 Kuala Lumpur
Faks: 03-2162 7166

YBhg.Dato',

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW) BILANGAN 2 TAHUN 2015- ARAHAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS PEROLEHAN DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Perolehan KKLW telah membuat semakan semula ke atas Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 21 Januari 2014 [(Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan Pegawai-Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)] di mana terdapat beberapa pindaaan dan pengemaskinian telah dilakukan selaras dengan arahan perbendaharaan yang berkuatkuasa pada masa ini.

3. Oleh yang demikian, Bahagian Perolehan KKLW telah menyediakan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) Bilangan 2 Tahun 2015 - Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas

Perolehan Di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk digunapakai oleh JAKOA sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan perolehan.

4. Sehubungan itu, dikemukakan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) Bilangan 2 Tahun 2015 - Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan Di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebagaimana di **LAMPIRAN** yang telah mendapat kelulusan YBhg.Datuk Seri KSU untuk rujukan pihak YBhg.Dato'.

Sekian, terima kasih.



(DATUK HJ HABIB ZAM ZAM BIN HJ AB LATIFF)
☎ Samb: 5733

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH BILANGAN 2 TAHUN 2015

ARAHAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS PEROLEHAN DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengemaskini Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

2. LATAR BELAKANG

2.1. Mengikut Seksyen 15A(2) Akta Tatacara Kewangan 1957 'tiap-tiap Pegawai Pengawal hendaklah, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kewangan di bawah Seksyen 4, menetapkan had mana kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberi atau dikenakan ke atasnya boleh dijalankan atau dilaksanakan bagi pihaknya oleh mana-mana Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya dan memberi arahan-arahan tertentu sebagaimana yang perlu untuk menjamin perjalanan atau pelaksanaan sempurna kuasa-kuasa dan tugas-tugas tersebut'.

2.2. Kementerian telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2014 (Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan Pegawai-Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bertarikh 21 Januari 2014. Pengemaskinian pelaksanaan tugas-tugas perolehan adalah bagi menyelaraskan

dengan peraturan kewangan terkini yang sedang berkuatkuasa mengikut perubahan semasa.

3. PENGECUALIAN DARIPADA PEMAKAIAN

3.1. Sebarang pengecualian daripada arahan yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pegawai Pengawal. Tindakan tatatertib boleh diambil ke atas mana-mana pegawai yang gagal mematuhi arahan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini.

4. KUATKUASA

4.1. Selaras dengan Seksyen 15A (2) Akta Tatacara Kewangan Bil. 61 Tahun 1957 (Semak Semula 1972), saya sebagai Pegawai Pengawal Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengarahkan supaya tugas dan tanggungjawab Kewangan khususnya yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan dilaksanakan bagi pihak saya oleh Pegawai-Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.

4.2. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya diluluskan. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini hendaklah dibaca bersekali dengan Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling- pekeliling lain yang berkaitan.

5. PEMBATALAN

5.1. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Ketua Setiausaha ini, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2014 bertarikh 21 Januari 2014 (Arahan Melaksanakan Tugas-Tugas Perolehan Kepada Pegawai-Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli) adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

(DATUK SERI IBRAHIM BIN MUHAMAD)

Tarikh: 27 **Mac 2015**

Lampiran A

SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (KKLW) BILANGAN 2/2015

ARAHAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS PEROLEHAN DI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA)

1. IBU PEJABAT

1.1. Jawatankuasa Sebut Harga Ibu Pejabat JAKOA

[Arahan Perbendaharaan 170.3]
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi : Ketua Pengarah JAKOA

Pengerusi Ganti : Timbalan Ketua Pengarah

Ahli J/Kuasa :
a) Timbalan Ketua Pengarah
b) Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
c) Pengarah Bahagian Pembangunan Sosioekonomi
d) Jurutera Gred J41 dan ke atas

Urusetia : Seksyen Kewangan

Nota:
i. *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 termasuk pengerusi*
ii. *Jurutera Gred J41 dan ke atas adalah wajib bagi memutuskan sebut harga kerja.*
iii. *Jurutera Gred J41 dan ke atas juga boleh dari Bahagian Teknikal KKLW semasa ketiadaan Jurutera dari JAKOA.*

1.2. Jawatankuasa Sebut Harga B Ibu Pejabat JAKOA (Bekalan & Perkhidmatan Had Nilai RM20,000 – RM50,000)

[1PP/PK 2.5/2013]

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ahli :
a) Pegawai Gred 41 dan ke atas
b) Penolong Pengarah Kewangan/Wakil
c) Pegawai Gred 27-38

Pembentang	:	Bahagian yang berkaitan
Urus setia	:	Seksyen Kewangan

Nota:
i. Korum sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.
ii. Ahli Jawatankuasa Penilaian berbeza dengan AhliJawatankuasa Sebut Harga (B)

1.3. Jawatankuasa Penilaian Perunding Kajian Bukan Fizikal
[1PP/PK 3.1.7/2013]

Pengerusi	:	Ketua Pengarah JAKOA
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Ketua Pengarah JAKOA
Ahli J/Kuasa	:	a) Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik KKLW /wakil b) Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan/wakil/pegawai yang berkelayakan lain c) Pengarah Bahagian yang berkenaan yang menguruskan perolehan perunding
Urus setia	:	Bahagian yang berkenaan

Nota:
i. Ahli Jawatankuasa yang dilantik adalah di kalangan Pegawai Pengurusan dan Profesional sahaja.
ii. Penubuhan JPP secara ad hoc perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal terlebih dahulu;
iii. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi atau lebih dalam setiap kategori, dan
iv. Korum adalah sekurang-kurangnya 4 orang termasuk wakil MAMPU dalam kumpulan P&P (Skim perkhidmatan F) bagi perolehan perunding ICT.

1.4. Jawatankuasa Penilaian Perunding Bagi Projek Pembangunan Fizikal/Kajian Fizikal
[1PP/PK 3.1.7/2013]

Pengerusi	:	Ketua Pengarah JAKOA
Pengerusi Ganti	:	Timbalan Ketua Pengarah JAKOA
Ahli J/Kuasa	:	a) Jurutera GredJ41 JAKOA b) Pegawai Teknikal Gred J41 dan ke atas dari Bahagian Teknikal KKLW c) Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan/wakil

d) Pengarah Bahagian yang berkenaan yang menguruskan perolehan perunding

Urus setia : Bahagian yang berkenaan.

Nota:

v. *Ahli Jawatankuasa yang dilantik adalah di kalangan Pegawai Pengurusan dan Profesional sahaja.*
vi. *Penubuhan JPP secara ad hoc perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal terlebih dahulu; dan*
vii. *Korum adalah sekurang-kurangnya 4 orang termasuk Pengerusi atau lebih dalam setiap kategori.*

1.5. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi (Kerja)
[Arahan Perbendaharaan 174]
[1PP/PK 2.7 & 2.8/2013]

Pengerusi : Pengarah Bahagian Berkenaan

Pengerusi Ganti : Mana-mana pegawai Gred 41 dan ke atas

Ahli J/Kuasa :
a) Penolong Jurutera
b) Penolong Pegawai Gred 27-38
c) Pembantu Kemahiran

Urusetia : Bahagian yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.*

1.6. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi (Bekalan dan Perkhidmatan)
[Arahan Perbendaharaan 174]
[1PP/PK 2.7 & 2.8/2013]

Pengerusi : Pengarah Bahagian Berkenaan

Pengerusi Ganti : Pegawai Kumpulan P&P Bahagian berkenaan

Ahli J/Kuasa :
a) Pegawai Gred 41 dari Bahagian yang berkaitan.
b) Mana-mana Penolong Pegawai Gred 27-38 dari Bahagian yang berkaitan.

Urusetia : Bahagian yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.*

1.7. Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga

[Arahan Perbendaharaan 197]
[1PP/PK 2.7 & 2.8/2013]

Pengerusi	:	Mana-mana pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	Mana-mana Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas atau Kakitangan sokongan Gred 17 dan ke atas.
Urusetia	:	Bahagian yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 2 orang ahli dan salah seorang daripadanya adalah pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.*

1.8. Jawatankuasa Penilaian Tender Kerja

[1PP/PK 2.8/2013]

Pengerusi	:	Jurutera Gred J41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Penolong Jurutera b) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas c) Pembantu Kemahiran

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termask pengerusi.*

1.9. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga Kerja

[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Mana-mana pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Penolong Jurutera **(wakil wajib)** b) Pegawai Gred 27 dan ke atas c) Pembantu Kemahiran

Nota:

i. *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.*
ii. *Jawatankuasa ini boleh ditambah mengikut keperluan dengan syarat keanggotaan yang sama.*

1.10. Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Bekalan dan Perkhidmatan)
[1PP/PK 2.7 & 2.8/2013]

Pengerusi	:	Pengarah Bahagian yang berkenaan
Ahli J/Kuasa	:	a) Mana-mana pegawai Gred 41 dan ke atas dari Bahagian berkaitan yang mempunyai kemahiran/kepakaran. b) Pegawai Gred 27 dan ke atas dari Bahagian yang berkenaan.

Nota:
i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.
ii. Jawatankuasa ini boleh ditambah mengikut keperluan dengan syarat keanggotaan yang sama.

1.11. Jawatankuasa Penilaian Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)
[1PP/PK 2.7 & 2.8/2013]

Pengerusi	:	Akauntan / Mana-mana pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Pegawai Gred 27 dan ke atas b) Mana-mana kakitangan sokongan dari Gred 17 dan ke atas

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 2 orang ahli termasuk pengerusi.*

1.12. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga B (Bekalan dan Perkhidmatan)
[1PP/PK 2.5/2013]

Pengerusi	:	Mana-mana pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Mana-mana Pegawai Gred 27 dan ke atas b) Mana-mana kakitangan sokongan dari Gred 17 dan ke atas
Urusetia	:	Seksyen Kewangan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.*

1.13. Jawatankuasa Rundingan Harga
[1PP/PK 7.14/2013]

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ahli J/Kuasa :
a) Pengarah Seksyen Kewangan / wakil
b) Pengarah Bahagian Pengguna / wakil
c) Mana-mana Pengarah Bahagian yang berkenaan

Urusetia : Seksyen Kewangan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang atau lebih.*

1.14. Perolehan Kerajaan Secara eBidding Melalui Sistem ePerolehan
[1PP/PK 5.2/2013]

1.14.1 Jawatankuasa Pra Kelayakan eBidding

Pengerusi : Pengarah Bahagian yang berkenaan

Ahli J/Kuasa :
a) Pegawai Gred 41 dan ke atas
b) Penolong Pegawai Tadbir Gred 27 dan ke atas
c) Mana-mana Pegawai yang berkelayakan

Urusetia : Bahagian berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang.*

1.14.2 Urusetia eBidding

Seksyen Kewangan (Unit Perolehan)

1.14.3 Jawatankuasa Pelulus Permintaan eBidding

Bil.	Had Nilai	Kuasa Melulus
i.	Tanpa had nilai	Pengarah Khidmat Pengurusan

1.15 Kuasa Meluluskan Pesanan Kerajaan

[Borang Am 75 – Pindaan 5/1981]

Bekalan dan Perkhidmatan

Bil.	Pelulus	Had Kuasa
i.	Ketua Pengarah	Tiada Had Nilai
ii.	Timbalan Ketua Pengarah	Tiada Had Nilai
iii.	Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan	Tiada Had Nilai
iv.	Penolong Pengarah Kewangan	Tidak Melebihi RM500,000.00
v.	Akauntan	Tidak Melebihi RM500,000.00
vi.	Penolong Pegawai Tadbir N36	Tidak Melebihi RM200,000.00
vii.	Penolong Pegawai Tadbir N27/N32	Tidak Melebihi RM100,000.00
viii.	Penolong Akauntan W27/W32	Tidak Melebihi RM100,000.00
ix.	Pembantu Akauntan W22	Tidak Melebihi RM20,000.00
x.	Pembantu Tadbir N22	Tidak Melebihi RM20,000.00
xi.	Pembantu Tadbir Kewangan W22	Tidak Melebihi RM20,000.00

1.16 Kuasa Meluluskan Pesanan Kerajaan Melalui eSPKB

Bil.	Pelulus	Had Kuasa
i.	Ketua Pengarah	Tiada Had Nilai
ii.	Timbalan Ketua Pengarah	Tiada Had Nilai
iii.	Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan	Tiada Had Nilai
iv.	Penolong Pengarah Kewangan	Tidak Melebihi RM500,000.00
v.	Akauntan	Tidak Melebihi RM500,000.00
vi.	Penolong Pegawai Tadbir N36	Tidak Melebihi RM200,000.00

vii.	Penolong Pegawai Tadbir N27/N32	Tidak Melebihi RM100,000.00
viii.	Penolong Akauntan W27/W32	Tidak Melebihi RM100,000.00
ix.	Pembantu Akauntan W22	Tidak Melebihi RM20,000.00
x.	Pembantu Tadbir N22	Tidak Melebihi RM20,000.00
xi.	Pembantu Tadbir Kewangan W22	Tidak Melebihi RM20,000.00

1.17 Menandatangani Borang Sebut Harga Peringkat Ibu Pejabat
[Arahan Perbendaharaan 170]
[Borang Kewangan 284, Lampiran Q]

i. Pengarah Khidmat Pengurusan
ii. Penol ong Pengarah Kewangan
iii. Akauntan

1.18. Kuasa Menandatangani Inden Kerja
[Arahan Perbendaharaan 176 dan 179]
[Borang JKR 58 Pin. 3/2008]

i. Pengarah Bahagian Berkenaan
ii. Jurutera Gred J41 dan ke atas

1.19 Penurunan Kuasa Meluluskan Pesanan Tempatan Kepada Pegawai Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi/Berkursus Dalam Negara
[1PP/WP 1.11/2013]

Bil	Jawatan	Had Nilai
i.	Pengarah Khidmat Pengurusan	Tanpa had nilai
ii.	Penolong Pengarah Kewangan	Sehingga RM50,000.00
iii.	Akauntan	Sehingga RM50,000.00

1.20. Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej
[1PP/PK 7.1/2013]

1.20.1. Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej

Pengerusi : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ahli J/Kuasa : a) Penolong Pengarah Seksyen Sumber Manusia/ wakil
b) Penolong Pengarah Kewangan/ wakil

Urusetia : Seksyen Kewangan

1.20.2. Kuasa Melulus Perolehan Kemudahan Perkhidmatan Latihan Secara Pakej

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,0000	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan KKLW

1.21. Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan
[1PP/PK 7.2/2013]

1.21.1. Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Secara Berpakej dan Perkhidmatan Katering bagi Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

Pengerusi : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ahli J/Kuasa : a) Pengarah Bahagian Berkenaan/ wakil
b) Penolong Pengarah Kewangan/ wakil

Urusetia : Seksyen Kewangan

1.21.2. Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Secara Berpakej dan Perkhidmatan Katering bagi Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,0000	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan KKLW

1.22. Perolehan Bekalan dan Penghantaran Buku Cetakan dan Terbitan Luar Negeri

[1PP/PK 7.5/2013]

1.22.1. Jawatankuasa Pemilihan Syarikat

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ahli J/Kuasa :
a) Pengarah Seksyen Kewangan / wakil
b) Pengarah Bahagian Pengguna / wakil
c) Mana-mana Pengarah Bahagian yang berkenaan

Urusetia : Seksyen Kewangan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang.*

1.22.2. Kuasa Melulus Perolehan Bekalan dan Penghantaran Buku Cetakan dan Terbitan Luar Negeri

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM200,0000	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM200,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA
iii.	Melebihi RM500,000 sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan KKLW
iv.	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan

1.23. Perolehan Kenderaan

[1PP/PK 7.13/2013]

1.23.1. Jawatankuasa Penilaian Perolehan Kenderaan

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ahli J/Kuasa :
a) Pengarah Seksyen Kewangan / wakil
b) Pengarah Bahagian Pengguna / wakil
c) Mana-mana Pengarah Bahagian yang berkenaan

Urusetia : Seksyen Kewangan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang.*

1.23.2. Kuasa Melulus Perolehan Kenderaan

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,000 setahun bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu kontrak	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu kontrak	Jawatankuasa Sebut Harga KKLW
iii.	Melebihi RM500,000 setahun bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu kontrak	Lembaga Perolehan KKLW

1.24. Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media Cetak dan Media Elektronik

[1PP/PK 7.15/2013]

1.24.1. Jawatankuasa Penilaian Perolehan Kenderaan

Pengerusi : Timbalan Ketua Pengarah

Pengerusi Ganti : Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

Ahli J/Kuasa :
a) Pengarah Seksyen Kewangan / wakil
b) Pengarah Bahagian Pengguna / wakil
c) Mana-mana Pengarah Bahagian yang berkenaan

Urusetia : Seksyen Kewangan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang.*

1.24.2. **Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Pengiklanan Melalui Media Cetak dan Media Elektronik**

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,0000 setahun	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga KKLW
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan KKLW

1.25 Pegawai Pemegang Kunci Peti Tawaran

[Arahan Perbendaharaan 196]

a) Penolong Pengarah Kewangan

b) Akauntan

2. JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA) NEGERI [PAHANG], [KEDAH DAN PERAK] DAN [KELANTAN DAN TERENGGANU]

2.1 Jawatankuasa Sebut Harga B Pejabat JAKOA Negeri (Bekalan & Perkhidmatan Had Nilai RM20,000 – RM50,000)

[1PP/PK 2.5/2013]

Pengerusi : Pengarah Negeri

Ahli J/Kuasa :
a) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41
b) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S32 hingga 38
c) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

Urusetia : Seksyen Kewangan

Nota:

i. Korum sekurang-kurangnya 3 orang termasuk Pengerusi.

ii. Ahli Jawatankuasa Penilaian berbeza dengan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga (B)

2.2 Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi (Bekalan dan Perkhidmatan)

[Arahan Perbendaharaan 174]

[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi : Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

Ahli J/Kuasa :
a) Pembantu Pembangunan Masyarakat S26
b) Mana-mana kakitangan Gred 22
c) Pembantu Tadbir

Urus setia: : Bahagian yang berkenaan.

Nota:

i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.

ii. Pihak urusetia boleh memanggil mana-mana pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.

2.3 Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi (Kerja)

[Arahan Perbendaharaan 174]
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Pegawai Gred 41 dan ke atas*
Ahli J/Kuasa	:	a) Penolong Jurutera Gred J29 ke atas **(wakil wajib)** b) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas. c) Pembantu Kemahiran
Urus setia	:	Bahagian yang berkenaan

Nota:
i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.
ii. Pihak urusetia boleh memanggil mana-mana pegawai teknikal Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.
*iii. * kecuali JAKOA Kelantan dan Terengganu, Penolong Pegawai Gred 38 boleh menjadi pengerusi mesyuarat.*

2.4. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga

[Arahan Perbendaharaan 197]
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Mana-mana pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas atau kakitangan Gred 17 dan ke atas

***Nota**: Korum adalah sekurang-kurangnya 2 orang ahli dan salah seorang daripadanya adalah pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional.*

2.5. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga Kerja

[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Pegawai Gred 41 dan ke atas*
Ahli J/Kuasa	:	a) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas b) Penolong Jurutera/Pegawai Teknikal Gred J29 dan ke atas. c) Pembantu Kemahiran
Urusetia	:	Bahagian yang berkenaan

Nota:
i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.
ii. Pihak urusetia boleh memanggil mana-mana pegawai teknikal Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.

iii. * kecuali JAKOA Kelantan dan Terengganu, Penolong Pegawai Gred 38 boleh menjadi pengerusi mesyuarat.

2.6 Jawatankuasa Penilaian Teknikal Sebut Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)

[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Penolong Pegawai Gred 32 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas b) Kakitangan Gred 17 dan ke atas
Urusetia	:	Bahagian yang berkenaan

Nota:

i. *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.*
ii. *Pengarah Negeri boleh melantik mana-mana pegawai teknikal Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu sebagai ahli tambahan.*
iii. *Jawatankuasa ini juga merangkap Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga B (Bekalan dan Perkhidmatan)*

2.7. Jawatankuasa Penilaian Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)

[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Penolong Pegawai Gred 32 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S22 dan ke atas b) Mana-mana Kakitangan Gred 17 dan ke atas
Urusetia	:	Bahagian yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 2 orang ahli termasuk pengerusi.*

2.8 Menandatangani Borang Sebut Harga Peringkat Negeri

[Arahan Perbendaharaan 170]
[Borang Kewangan 284, Lampiran Q]

Pengarah Negeri

Nota *: Khusus bagi negeri-negeri yang diberi taraf Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja*

2.9. Menandatangani Inden Kerja

[Arahan Perbendaharaan 176 dan 179]
[Borang JKR 58 Pin. 3/2008]

Bil.	Had Nilai	Kuasa Meluluskan
i.	Had Nilai sehingga RM500,000	Pengarah Negeri

2.10. Menandatangani Pesanan Kerajaan Peringkat Negeri

Bil.	Pelulus	Had Kuasa
i.	Pengarah Negeri	Tidak Melebihi RM500,000.00
ii.	Pegawai Pembangunan Masyarakat S44	Tidak Melebihi RM200,000.00
iii.	Pegawai Pembangunan Masyarakat S41	Tidak Melebihi RM200,000.00
iv.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S38	Tidak Melebihi RM100,000.00
v.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S27/S32	Tidak Melebihi RM100,000.00
vi.	Penolong Pegawai Tadbir N27/N32	Tidak Melebihi RM100,000.00
vii.	Penolong Pegawai Pertanian G27/G32	Tidak Melebihi RM100,000.00
viii.	Pembantu Pembangunan Masyarakat S26	Tidak Melebihi RM20,000.00
ix.	Pembantu Pembangunan Masyarakat S22	Tidak Melebihi RM20,000.00
x.	Pembantu Tadbir N22	Tidak Melebihi RM20,000.00
xi.	Pembantu Tadbir Kewangan W22	Tidak Melebihi RM20,000.00

2.11. Penurunan Kuasa Meluluskan Pesanan Tempatan Kepada Pegawai Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi/Berkursus Dalam Negara

[1PP/WP 1.11/2013]

Bil	Jawatan	Had Nilai
i.	Pengarah Negeri	Sehingga RM500,000.00
ii.	Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S44/41	Sehingga RM50,000.00
iii.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S38	Sehingga RM50,000.00

2.12. Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej

[1PP/PK 7.1/2013]

2.12.1 Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej

Pengerusi : Pengarah Negeri

Ahli J/Kuasa : a) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred 41 dan ke atas
b) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

Urusetia : Bahagian/Unit yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli.*

2.12.2 Kuasa Melulus Perolehan Kemudahan Perkhidmatan Latihan Secara Pakej

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,0000	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA Ibu Pejabat
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan KKLW

2.13. Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

[1PP/PK 7.2/2013]

2.13.1 Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

Pengerusi : Pengarah Negeri

Ahli J/Kuasa : a) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred 41 dan ke atas
b) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

Urusetia : Bahagian yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli.*

2.13.2 Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,0000.00	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA Ibu Pejabat
iii.	Melebihi RM500,000.00	Lembaga Perolehan KKLW

2.14. Pemegang Anak Kunci Peti Tawaran

[Arahan Perbendaharaan 196]

i) Pengarah Negeri

ii) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S38/S27/S32

3. JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI (JAKOA) NEGERI [JOHOR], [NEGERI SEMBILAN DAN MELAKA] DAN [SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN]

3.1. Jawatankuasa Sebut Harga B

[1PP/PK 2.5/2013]

Pengerusi : Pengarah Negeri

Ahli J/Kuasa :
a) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41
b) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S32 hingga 38
c) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

Urusetia : Seksyen Kewangan

Nota:

i. Korum sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.

ii. Ahli Jawatankuasa Penilaian berbeza dengan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga (B)

3.2. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi (Bekalan dan Perkhidmatan)

[Arahan Perbendaharaan 174]
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi : Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

Ahli J/Kuasa :
a) Pembantu Pembangunan Masyarakat S26
b) Mana-mana Kakitangan Gred 22
c) Pembantu Tadbir

Urus setia: : Bahagian/unit yang berkenaan.

Nota:

i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.

ii. Pihak urusetia boleh memanggil mana-mana pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.

3.3. Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi (Kerja)

[Arahan Perbendaharaan 174]
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi : Pegawai Gred 41 dan ke atas atau Penolong Pegawai Gred 32 ke atas

Ahli J/Kuasa	:	a) Penolong Jurutera Gred J29 ke atas **(wakil wajib)** b) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas. c) Pembantu Kemahiran
Urus setia	:	Bahagian/unit yang berkenaan

Nota:
i. Korum sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.
ii. Pihak urusetia boleh memanggil mana-mana pegawai teknikal Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.

3.4. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga

[Arahan Perbendaharaan 197]
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Mana-mana Pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas atau Mana-mana kakitangan Gred 17 dan ke atas

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 2 orang ahli dan salah seorang daripadanya adalah pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pegawai Gred 41 dan ke atas juga boleh dijemput dari mana-mana Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain.*

3.5. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga Kerja

[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Pegawai Gred 41 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Penolong Jurutera Gred J29 ke atas **(wakil wajib)** b) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas. c) Pembantu Kemahiran
Urus setia	:	Bahagian/unit yang berkenaan

Nota:
i. Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.
ii. Pihak urusetia boleh memanggil mana-mana pegawai teknikal Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu.
iii. Sekiranya Pengerusi adalah dari Gred J41 dan ke atas, keahlian Penolong Jurutera Gred J29 dan ke atas adalah pilihan.

3.6. Jawatankuasa Penilaian Teknikal (Bekalan dan Perkhidmatan)
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	a) Pembantu Tadbir/Pembangunan Masyarakat Gred 22 ke atas b) Pembantu Tadbir/ Pembangunan Masyarakat Gred 17
Urusetia	:	Bahagian/unit yang berkenaan

Nota:
1. *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang termasuk pengerusi.*
2. *Pengarah Negeri boleh melantik mana-mana pegawai teknikal Jabatan/Agensi Kerajaan yang mahir dan berkelayakan dalam bidang berkenaan sekiranya perlu sebagai ahli tambahan.*
3. *Jawatankuasa ini juga merangkap Jawatankuasa Penilaian Sebutharga B (Bekalan dan Perkhidmatan)*

3.7. Jawatankuasa Penilaian Harga (Bekalan dan Perkhidmatan)
[1PP/PK 2.7/2013]

Pengerusi	:	Kakitangan Gred 22 dan ke atas
Ahli J/Kuasa	:	Pembantu Tadbir/Tadbir Kewangan Gred 17 dan ke atas
Urusetia	:	Bahagian/unit yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 2 orang ahli termasuk pengerusi.*

3.8. Menandatangani Borang Sebut Harga Peringkat Negeri
[Arahan Perbendaharaan 170]
[Borang Kewangan 284, Lampiran Q]

Pengarah Negeri

Nota *: bagi negeri-negeri yang diberi taraf PTJ sahaja*

3.9. Menandatangani Inden Kerja
[Arahan Perbendaharaan 176]
[Borang JKR 58 Pin.3/2008]

Bil.	Had Nilai	Kuasa Meluluskan
i.	Had Nilai sehingga RM500,000.00	Pengarah Negeri

3.10. Menandatangani Pesanan Kerajaan Peringkat Negeri

Bil.	Pelulus	Had Kuasa
i.	Pengarah Negeri	Tidak Melebihi RM500,000.00
ii.	Pegawai Pembangunan Masyarakat S44	Tidak Melebihi RM500,000.00
iii.	Pegawai Pembangunan Masyarakat S41	Tidak Melebihi RM500,000.00
iv.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S38	Tidak Melebihi RM100,000.00
v.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S27/S32	Tidak Melebihi RM100,000.00
vi.	Penolong Pegawai Tadbir N27/N32	Tidak Melebihi RM100,000.00
vii.	Pembantu Pembangunan Masyarakat S26	Tidak Melebihi RM20,000.00
viii.	Pembantu Pembangunan Masyarakat S22	Tidak Melebihi RM20,000.00
ix.	Pembantu Tadbir N22	Tidak Melebihi RM20,000.00
x.	Pembantu Tadbir Kewangan W22	Tidak Melebihi RM20,000.00
xi.	Pembantu Tadbir N22	Tidak Melebihi RM20,000.00
xii.	Pembantu Tadbir Kewangan W22	Tidak Melebihi RM20,000.00

Nota: *bagi negeri-negeri yang diberi taraf PTJ sahaja*

3.11. Penurunan Kuasa Meluluskan Pesanan Tempatan Kepada Pegawai Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi/Berkursus Dalam Negara

[1PP/WP 1.11/2013]

Bil.	Had Nilai	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM500,000.00	Pengarah Negeri
ii.	Sehingga RM50,000.00	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S27/32
iii.	Sehingga RM50,000.00	Penolong Pegawai Tadbir N27/N32

3.12. Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej
[1PP/PK 7.1/2013]

3.12.1 Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Latihan Secara Pakej

Pengerusi : Pengarah Negeri

Ahli J/Kuasa : a) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

b) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred 27 dan ke atas

Urusetia : Bahagian/unit yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang.*

3.12.2 Kuasa Melulus Perolehan Kemudahan Perkhidmatan Latihan Secara Pakej

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,0000	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA Ibu Pejabat
iii.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan KKLW

3.13 Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan
[1PP/PK 7.2/2013]

3.13.1 Jawatankuasa Penilaian Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

Pengerusi : Pengarah Negeri

Ahli J/Kuasa : a) Penolong Pegawai Gred 27 dan ke atas

b) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred 27 dan ke atas

Urusetia : Bahagian/unit yang berkenaan

Nota: *Korum adalah sekurang-kurangnya 3 orang ahli termasuk pengerusi.*

3.13.2 Kuasa Melulus Perolehan Perkhidmatan Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

Bil.	Had Nilai (bagi setiap pakej)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM50,0000.00	Ketua Pengarah
ii.	Melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00	Jawatankuasa Sebut Harga JAKOA Ibu Pejabat
iii.	Melebihi RM500,000.00	Lembaga Perolehan KKLW

3.14 Pemegang Anak Kunci Peti Tawaran

[Arahan Perbendaharaan 196]

i) Pengarah Negeri

ii) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat S27/S32